



*Kedaaan banjir di Mukim Sok selepas hujan lebat menyebabkan air Hulu Sungai Lentang dan Hulu Sungai Sok melimpah..*  
(Foto ihsan APM)

# 115 rumah terjejas, banjir kilat landa 3 daerah di Kedah

BERITA HARIAN 29/6/2022 (page 8)

**Alor Setar:** Hujan lebat melanda tengah malam kelmarin menyebabkan 115 kediaman di tiga daerah di Kedah dilanda banjir kilat, dengan Sik antara paling teruk terkesan.

Di Sik sahaja, dilapor 66 kediaman di lapan kampung terjejas dengan 20 mangsa daripada tujuh keluarga terpaksa dipindahkan akibat banjir bermula seawal jam 1.20 pagi semalam.

Antara terkesan adalah Kampung Lentang, Kampung Kuala Betong, Kampung Belantik Dalam, Kampung Surau dan Kampung Pinang di Mukim Sok, manakala di Mukim Sik memabitkan Kampung Belimbing, Kampung Jerai dan Kampung Lubuk Tualang.


Pegawai Pertahanan Awam Daerah Sik, Leftenan (PA) Haisul Aishah Mohd Napiah, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan daripada orang awam pada jam 1.20 pagi berhubung kejadian banjir di Mukim Sok berpunca dari air Hulu Sungai Lentang dan Hulu Sungai Sok yang melimpah.

"Setibanya di lokasi skuad Bravo mendapati paras air memasuki rumah penduduk mencecah paras kira-kira satu meter dan 20 mangsa memabitkan enam keluarga dari Kampung Pinang dan sebuah di Kampung Surau terpaksa dipindahkan ke surau berdekatan.

"Kami juga menerima panggilan kecemasan mengenai mangsa yang terperangkap di Kampung Kuala Betong Belantik dan Kampung Landai Gulau, yang mana anggota APM Sik ke lokasi dikejarkan ke lokasi untuk membantu.

"Mereka yang terperangkap dipindahkan ke rumah saudara mara berdekatan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Bagi tiga kampung di Mukim Sik pula, Haisul Aisyah berkata,



Situasi banjir kilat di daerah Baling menyebabkan 42 rumah terkesan.

(Foto ihsan APM)

20 rumah dinaiki air bermula kira-kira jam 4 pagi selepas air Sungai Chepir melimpah, bagaimanapun tiada mangsa dipindahkan dan air dilapor surut kira-kira jam 6.30 pagi.

Sementara itu, 42 rumah di daerah Baling terkesan dengan banjir memabitkan Kampung Rambong Batu 7, Kampung Carok Juan dan Kampung Bendang Sera, Lorong Jenalik, Lorong Tanjung Ara, Lorong Kunder, Lorong Kampung Paya, Lorong Atas Bukit dan Lorong Charok Pam.

Di daerah Padang Terap pula tujuh rumah terjejas adalah di Mukim Naka iaitu di Ladang

Sungai Tekai, bagaimanapun tiada pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka di tiga daerah berkenaan.

Sementara itu, Ketua Bahagian Operasi Bencana Angkatan Pertahanan Awam (APM) Kedah, Kapten (PA) Saifuddin Abdullah mengesahkan banjir surut beransur-ansur mulai jam 630 pagi dan mangsa mula kembali ke kediaman masing-masing.

"Banjir kilat di ketiga daerah surut sepenuhnya dan pihak APM membantu menjalankan kerja pasca bencana memabitkan bantuan pembersihan di rumah dan premis," katanya.